

**KERAJAAN NEGERI PAHANG MEMPERGIATKAN PENGUATKUASAAN SEKSYEN
17A (LIABILITI KORPORAT) AKTA SPRM 2009**

KUANTAN, 1 April 2021 – Bertempat di Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 7, Wisma Sri Pahang telah diadakan satu taklimat berkaitan Seksyen 17A (Liabiliti Korporat) Akta SPRM 2009 kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri Pahang.

Program ini dianjurkan oleh Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang. Seramai 56 orang peserta yang terdiri daripada wakil Badan Berkanun Negeri dan Anak Syarikat Milik Kerajaan Negeri Pahang telah menyertai sesi taklimat ini.

Objektif program adalah untuk mewujudkan kesedaran serta meningkatkan pemahaman berhubung penguatkuasaan Akta SPRM 2009 dan sebagai salah satu usaha memastikan semua Badan Berkanun dan Anak Syarikat Milik Kerajaan Negeri Pahang mematuhi kehendak peruntukan ini.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPPRM Malaysia, Dato' Sri Shamsun Baharin bin Mohamad Jamil. Turut hadir sama ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak dan Pengarah SPRM Negeri Pahang, KPKPj Hairuzam bin Mohmad Amin@Hamim.

Disediakan oleh Unit Integriti

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh: Wan Ahmad Syahiruddin bin Wan Ishak

Foto: Unit Korporat



